

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN : 221

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes rasuah berprofil tinggi yang melibatkan pegawai kanan Kerajaan yang hanya diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (hukuman penjara tidak lebih daripada 5 tahun dan denda tidak melebihi RM5 juta atau keduanya jika sabit kesalahan) dan bukannya di bawah Akta SPRM 2009 yang mana hukumannya jauh lebih berat iaitu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Telok Kemang, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak membezakan sesuatu siasatan samada berprofil tinggi atau sebaliknya. Bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 2016, jumlah kes kakitangan awam yang dituduh dibawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] adalah sebanyak tiga (3) kes sahaja.

Akta ini memperuntukkan agensi penguatkuasa yang boleh menjalankan siasatan termasuklah mana-mana badan atau agensi yang pada masa ini bertanggungjawab di Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana kesalahan berat. Dalam hal ini, Jadual Kedua Akta 613 menyenaraikan kesalahan di bawah akta SPRM 2009 sebagai kesalahan berat. Justeru SPRM mempunyai kuasa untuk menyiasat kesalahan di bawah Akta ini.

Tindakan pendakwaan hanya boleh dijalankan kepada mana-mana tertuduh apabila pihak pendakwaan mendapati keterangan yang ada mencukupi dan memenuhi kehendak intipati kes sesuatu kesalahan. Dalam menjalankan siasatan, kadang-kala dalam kes-kes tertentu,

pihak SPRM hanya mendapati keterangan yang mencukupi untuk tertuduh didakwa di bawah Akta 613.

Tambahan kepada itu, Akta 613 memperuntukkan hukuman penjara sehingga tidak melebihi 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau lima juta ringgit, yang mana yang lebih tinggi. Oleh itu, hukuman denda di bawah Akta 613 adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan sekiranya denda gagal dibayar, hukuman pemenjaraan tambahan boleh dikenakan terhadap tertuduh.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**
SOALAN : **222**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) perkembangan terkini mengenai program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), kos yang terlibat dan penyelidikan yang bakal dijalankan; dan
- (b) bagaimana Kementerian menilai keberkesanan program angkasawan negara ini berdasarkan pelaksanaan program terdahulu serta sumbangannya terhadap agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) secara berterusan melaksanakan pelbagai program bagi mempromosikan teknologi berkaitan angkasa lepas. Namun begitu, mengambil kira keadaan ekonomi semasa, MOSTI buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Sehubungan itu, MOSTI telah menjalankan penjenamaan semula

ke atas Program Angkasawan Negara Kedua (PAN-2) kepada Program Mikrograviti Negara (PMN). Objektif utama program ini ialah meneruskan penyelidikan mikrograviti di ISS tanpa penghantaran angkasawan dari Malaysia. Pendekatan ini adalah lebih ekonomik dan manfaat hasil penyelidikan adalah sama seperti penghantaran angkasawan ke ISS.

Program Mikrograviti Negara adalah lebih ekonomik dan memerlukan kos yang jauh lebih rendah berbanding dengan kos penghantaran angkasawan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos program PMN dianggarkan sekitar RM1.5 juta hingga RM5 juta sahaja berbanding kos penghantaran angkasawan yang dianggarkan sekitar RM150 juta hingga RM190 juta.

Program Mikrograviti Negara menumpukan kepada pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap kesediaan negara agar ianya memberi manfaat maksimum kepada sektor industri, pendidikan serta R&D negara. Buat masa ini, eksperimen penghabluran protein oleh penyelidik tempatan telah pun berjaya di hantar ke ISS dengan kerjasama *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)*.

Kajian keberkesanan Program Angkasawan Negara telah dibuat melalui *Cost Benefit Analysis (CBA)*. Proses kajian dibuat melalui penglibatan pengumpulan data secara primari dan sekunder. Kajian ini telah diterjemahkan kepada beberapa aspek iaitu Impak terhadap politik, sosio dan budaya, sains dan teknologi, ekonomi dan komersial serta Impak program terhadap kerjasama antarabangsa.

Secara umumnya, Program Angkasawan Negara (PAN) yang telah dilancarkan pada tahun 2007 telah menyumbang terhadap peningkatan dan anjakan agenda sains dan teknologi negara seperti berikut:

(i) **Bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

PAN telah mewujudkan penerokaan bidang penyelidikan sains mikrograviti ataupun graviti sifar, yang merupakan satu bidang penyelidikan baharu di Malaysia;

(ii) **Pembangunan Modal Insan**

PAN telah berjaya melahirkan sekumpulan pakar penyelidik yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan sains angkasa yang bertaraf antarabangsa dan berjaya mematuhi piawaian antarabangsa yang tinggi;

(iii) **Kerjasama dan hubungan Antarabangsa**

Daripada program penyelidikan sains mikrograviti yang pertama di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) ini, PAN telah membuka peluang untuk Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan MOSTI bersama dengan penyelidik-penyelidik tempatan untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa khususnya dengan NASA (USA), ESA (Kesatuan Negara-negara Eropah), JAXA (Jepun) dan ROSCOSMOS (Rusia); dan

(iv) **Penjanaan Ilmu Pengetahuan**

Terdapat enam (6) penyelidikan yang dijalankan oleh angkasawan Malaysia dalam masa lapan (8) hari di ISS iaitu:

(a) Kesan Penerbangan Angkasa Jangka masa Pendek Terhadap Fungsi Endotelium dan Inflamasi (Penanda Risiko Penyakit Jantung Koronari);

(b) *Obsteoblast Cellular Function During Space Flight*;

- (c) *Eukaryotic Cells in Space*;
- (d) Kesan Penerbangan Angkasa (Mikrograviti Dan Radiasi) Ke Atas Pertumbuhan Profil Eksperisi Gen dan Mekanisme Kerintangan Antibiotik *Enterobacter clocae*;
- (e) Kesan Penerbangan Angkasa (Mikrograviti Dan Radiasi) Ke Atas Pertumbuhan Profil Eksperisi Gen dan Mekanisme Kerintangan Antibiotik *Acinotobacter baumanii*; dan
- (f) Penghabluran Enzim/ Protein Industri di Angkasa (*Crystallization of Industrially Important Enzyme/ Protein in Space*)

Hasil-hasil penyelidikan ini telah memberi sumbangan dalam janaan ilmu pengetahuan baharu terhadap bidang perubatan dan farmasiktikal, sains hidupan dan bioteknologi.

Sekian, terima kasih.